

PENDIDIKAN BERASASKAN NILAI : KONSEP DAN PENILAIAN

Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Mohd Faez Ilias
Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdizzuddin@kuis.edu.my

Abstrak

Attribute Based Education (ABE) telah dilaksanakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui kurikulum pendidikan yang disediakan. Pendekatan tersebut bertujuan bagi mencapai sasaran minimum yang ditetapkan. Selain itu, pendekatan ini memberikan kebebasan kepada para guru untuk menyediakan bahan, aktiviti dan kaedah penyampaian yang bertujuan memenuhi sasaran yang telah ditetapkan. Selain itu, para pelajar yang telah memenuhi sasaran dibenarkan melakukan tugas lanjutan tanpa perlu menunggu rakan yang belum menguasai ilmu dan kemahiran tersebut. Pendekatan ini membantu dalam mengurangkan keciciran pelajar dalam proses pembelajaran. Hal ini kerana pendekatan ini menekankan kepada sasaran minimum atau penekanan terhadap penghayatan berbanding pencapaian gred peperiksaan. Pendekatan ini mampu menilai keseluruhan aspek pembangunan insaniah pelajar selari dengan pencapaian akademik semasa. Justeru itu, tujuan penulisan ini adalah untuk melihat cabaran kepada guru dan kekurangan yang perlu dimantapkan dalam merealisasikan pendekatan ini.

Kata Kerja: Pendidikan, Nilai, Konsep, Penilaian

1.0 PENGENALAN

Nilai adalah merupakan perkara asas dalam Pendidikan yang. Nilai yang baik akan menunjukkan akhlak yang baik kepada pelajar. Kefahaman dan menghayatakan nilai dalam diri pelajar mampu untuk menghalang pelajar daripada terpengaruh dengan perbuatan yang tidak baik. Peranan nilai membantu dalam mewujudkan insan yang sempurna meliputi keilmuan, keimanan yang mantap dan akhlak yang terpuji (Ade Imelda Frimayanti, 2017). Penekanan kepada aspek nilai ini menjadi ukuran kepada kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Hal ini kerana penekanan ini menjadikan nilai utama yang mesti dicapai oleh murid.

Menurut kajian Ainun Rahmah et. al. (2017) mendapati sikap pelajar terhadap topik-topik dalam mata pelajaran mampu diaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar berkongsi idea dan maklumat dengan kumpulan lain dan bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam semua keadaan semasa pembelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, konsep Pendidikan berasaskan nilai ini digunakan sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran di SRITI dan SMITI yang bertujuan agar penekanan dan tahap pencapaian sebenar murid adalah berdasarkan kepada sasaran yang dibangunkan berdasarkan setiap mata pelajaran. Kajian Fajar & Maftukin (2017) mendapati bahawa para guru memasukkan nilai-nilai Pendidikan di dalam rancangan pengajaran harian (RPH), namun begitu hanya sebahagian guru yang menerapkan nilai pendidikan dalam pembelajaran. Kajian beliau mendapati bahawa hanya sebahagian kecil sahaja guru yang menerapkan nilai di setiap langkah pengajaran. Kebanyakan guru menerapkan nilai kepada pelajar semasa di permulaan kelas melalui aktiviti berdoa belajar dan nasihat semasa penutup pembelajaran.

2.0 KONSEP PENDIDIKAN BERASASKAN NILAI

P&P dalam kaedah ABE menekankan pencapaian sasaran, dan bukan silibusnya. Dengan kata lain, guru diberi kebebasan dari segi penyampaian, bahan, aktiviti asalkan mencapai sasaran. Guru tidak semestinya mengikuti buku teks satu muka surat ke satu muka surat. ABE memerlukan penilaian berterusan secara komprehensif. Pelajar yang telah mencapai sasaran lebih awal terus diberi tugas untuk sasaran seterusnya tanpa menunggu pelajar-pelajar lain. ABE sangat menekankan pencapaian sasaran minimum. Proses pembelajaran menitik beratkan usaha mengelakkan pelajar tercicir (tidak mencapai sasaran minimum). Ini lebih diberi penekanan berbanding pencapaian 'straight A'.

Sasaran ABE mengambil kira keseluruhan aspek pembangunan insan pelajar, di samping aspek akademik biasa. Antara sasaran ABE ialah:

- i. Membaca al Quran dengan lancar di Tahun 3.
- ii. Selesai fardu ain di akhir Tahun 4.
- iii. Mengimamkan solat Jemaah di rumah di akhir Tahun 4.
- iv. Berani bertanya dan memberi pendapat di akhir Tahun 4.
- v. Mampu memberi tazkirah dan pengisian di pertengahan Tahun 5.
- vi. Mencari maklumat sendiri mengenai pengajaran dan pembelajaran di Tahun 5.
- vii. Mampu menyempurnakan penyembelihan (ayam/itik) di akhir Tahun 6.
- viii. Mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris di Tahun 6 dan Bahasa Arab di Tingkatan 3.
- ix. Menghafaz 30 juzuk al-Quran di akhir Tingkatan 3.

3.0 PELAKSANAAN KURIKULUM DALAM PENDIDIKAN BERASASKAN NILAI

Pada 2016, Dr Khazani Abdullah telah mencadangkan satu rombakan Attribute Based Education (ABE) dilaksanakan secara besar-besaran dan telah dua fasa dalam sistem persekolah SRITI dan SMITI iaitu fasa pembangunan insaniah dan fasa peperiksaan. Fasa pembangunan insaniah terdiri dari murid tahun 1 hingga murid tahun 4 di SRITI, manakala Tingkatan 1 dan 2 di SMITI. Fasa Peperiksaan pula bagi tahun 5 dan 6 di SRITI dan tingkatan 3 hingga tingkatan 5 di SMITI.

Sekolah ini mempunyai beberapa kurikulum iaitu kurikulum bersepadu tahfiz, agama dan akademik. Disamping itu, kurikulum yang disampaikan juga memberikan penekanan kepada aspek pembangunan insan (Minda dan Sahsia) dan komunikasi.

Bagi memantapkan aspek pelaksanaan kurikulum yang telah dirancang, pihak pengurusan sekolah telah membina beberapa garis panduan dan prosedur operasi bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Berikut adalah manual garis panduan :

- i. Manual Perjawatan
- ii. Manual Pengajaran dan Pembelajaran
- iii. Manual Hafazan
- iv. Manual RPH
- v. Manual Penilaian dan Pentaksiran
- vi. Manual Disiplin Murid
- vii. Manual Disiplin Kakitangan

Walaupun bagaimanapun, kelancaran sistem tidak tertumpu pada manual atau garis panduan tetapi diunjurkan tiga bahagian dalam kaedah tersebut. Berikut adalah tiga pembahagian :

Pendidikan al Quran Sunnah: Mata pelajaran yang berkait rapat dengan al-Quran dan al-Sunnah.

- a) Pendidikan Sains : Mata pelajaran yang berkait rapat dengan sains kemanusiaan dan sains tulen.
- a) Pembangunan Insan : Mata pelajaran yang memfokuskan berkaitan pembetulan sahsiah, perkembangan bakat dan perkembangan minda yang dirancang dengan rancangan yang tersusun.



Rajah 1: Matapelajaran Dalam Kurikulum Pendidikan Berasaskan Nilai

4.0 KONSEP OUTCOME BASED EDUCATION

OBE merupakan sistem pembelajaran berpusatkan pelajar yang memberi fokus bukan sahaja kepada keputusan peperiksaan akhir pelajar (domain kognitif), tetapi juga terhadap hasil pembelajaran lain (domain psikomotor dan afektif) sepanjang proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) berlangsung. Sistem penilaian murid secara berterusan menggunakan kaedah penulisan, pemerhatian dan lisan di samping peperiksaan kebangsaan.

Kecairan berkemungkinan berlaku pada aspek jurulatih sendiri kerana jangka masa kursus berpusat sebenar adalah tiga hari manakala kursus dalaman yang diberi hanya satu hari sahaja. Peserta dalam kalangan pensyarah berkemungkinan mengalami perbezaan kefahaman dalam menterjemahkan, antaranya (1) menghayati kehendak OBE dan kemahiran untuk menjajarkan PEO, PLO dan CLO, (2) memberi justifikasi jenis aktiviti pengajaran, (3) mengenal pasti alat pentaksiran yang selari dengan CLO dan PLO, (4) mengukur kesepadanan domain hasil pembelajaran program dalam CLO, (5) mewajarkan pemberatan tugas, jenis-jenis tugas dalam kerja kursus dengan SLT pelajar mengikut jam kredit kursus, dan (6) Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dari aspek format soalan, jumlah item soalan dan aras taksonomi yang bersesuaian dengan CLO serta masa yang sepatutnya diperuntukkan berdasarkan kiraan SLT.

Amalan dalam Dimensi Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian menunjukkan amalan pensyarah berada pada tahap sederhana (min keseluruhan=3.40). Sebilangan besar responden menunjukkan kecenderungan untuk setuju bahawa pensyarah mengamalkan penjajaran

pernyataan stem dan mengenal pasti aras kognitif untuk disesuaikan dengan CLO dalam pembinaan soalan kuiz. Amalan pensyarah semasa pembinaan JSU untuk menghubungkan tempoh masa kuiz dan bilangan item ujian mengikut jam pembelajaran pelajar (SLT) juga dikenal pasti sederhana dalam konstruk ini.

Amalan dalam dimensi aplikasi strategi pentaksiran dalam kelas menunjukkan amalan pensyarah berada pada tahap sederhana (min keseluruhan=3.56). Min 3.56 menghampiri 3.60 iaitu tahap tinggi dari aspek amalan. Hasil kajian menunjukkan hubungan antara amalan pentaksiran pensyarah dalam kelas dengan tahap pengetahuan pensyarah berdasarkan konsep OBE. Hubungan diuji menggunakan Ujian Pekali Korelasi Pearson. Paras signifikan yang ditetapkan ialah $p < 0.05$. Secara umum, dapatan menunjukkan amalan pentaksiran mempunyai hubungan yang positif dengan pengetahuan ($r=0.75$).

5.0 ELEMEN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Kalai Selvan (2020), menyatakan bahawa para guru memerlukan pemantauan dan bimbingan yang berterusan bagi memastikan para guru dapat melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan lebih baik. Pentaksiran untuk pembelajaran yang diperkenalkan dalam pentaksiran berasaskan nilai ini memenuhi keperluan global melalui penekanan terhadap perkembangan murid secara menyeluruh. Terdapat pembahagian dalam pentaksiran iaitu :

5.1 Pentaksiran pembelajaran

Dapatan menunjukkan guru akan memupukkan minat untuk belajar, melibatkan murid dalam aktiviti bilik darjah yang dijalankan, memastikan setiap murid belajar, melaksanakan aktiviti berkumpulan melalui kaedah penyelesaian masalah, membentangkan hasil perbincangan dalam kumpulan, melakukan pemerhatian dalam mentaksir kebolehan murid. Pentaksiran dijalankan secara individu walaupun pelaksanaan aktiviti kumpulan dijalankan. Oleh itu, memerlukan kreativiti guru dalam menggunakan kaedah yang bersesuaian selari dengan situasi pembelajaran yang sedang berlaku. Guru merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran dalam pelaksanaan pengajaran dan pentaksiran yang telah dicadangkan dan mengubahsuai berdasarkan kesesuaian situasi pembelajaran tersebut (Kalai Selvan, 2020)

5.2 Pentaksiran untuk menentukan pencapaian.

Guru memastikan pelajar mencapai tahap band 3. Pelaksanaan aktiviti hendaklah berdasarkan tahap pencapaian yang bersesuaian. Sekiranya murid telah mencapai tahap pencapaian yang telah ditetapkan, guru akan merancang aktiviti ke tahap pencapaian yang lebih tinggi. Guru memperuntukkan lima belas minit terakhir selepas pengajaran untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Selain itu, guru turut memberikan ujian ringkas, kerja rumah. (Kalai Selvan, 2020)

PBD menjadi satu alat penilaian untuk menilai prestasi murid. Keberkesanan dan kejayaan PBD banyak bergantung kepada komitmen guru. Pentaksiran yang berkesan berupaya memberi maklumat kepada guru, pentadbir, ibu bapa dan murid, berkaitan dengan pengetahuan murid dan kefahaman mereka. Pelaksanaan PBD oleh para guru membolehkan pihak sekolah dan ibu bapa mendapat maklum balas secara kualitatif dan kuantitatif tentang diri murid (Ahmad dan Mohamad, 2016).

Kathryn Hill dan Tim McNamara (2012) menyenaraikan proses “merancang” dan “merangka” dalam melaksanakan pentaksiran sebelum menjalankan pdp. Proses ‘merancang’ melibatkan analisis sukatan kurikulum serta perbincangan berkaitan dengan pengajaran dan pentaksiran dalam kalangan guru yang mengambil bahagian. Proses “merangka” pula

menyiasat tentang adakah murid mengetahui bahawa aktiviti yang diberikan adalah pentaksiran. Guru perlu memberitahu murid bahawa setiap topik pengajaran akan dikaitkan dengan aktiviti pentaksiran. Hal ini penting untuk membolehkan murid mengamalkan orientasi yang sesuai untuk tugas berkenaan.

Dapatan kajian Che Aleha Ladin dan Md Nasir Ibrahim (2015) menunjukkan guru memberi markah secara berkala dan mengisi borang progress markah murid mengikut prestasi murid. Pentaksiran prestasi murid dibuat oleh guru berdasarkan Jadual Kriteria Pencapaian Calon yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pada masa yang sama, guru akan menyediakan sijil mengikut pencapaian murid bagi murid yang telah menyiapkan kerja kursus dalam tempoh yang ditetapkan. Pentaksir sekolah akan menyimpan hasil kerja murid atau maklumat-maklumat bercetak yang berkaitan dengan pentaksiran selama enam bulan selepas keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia diterbitkan. Ravikumar Varatharaj (2015) mendapati guru banyak mempraktikkan maklum balas secara lisan apabila murid-murid didapati mempunyai persoalan berkaitan dengan latihan. Sebaliknya, guru kurang memberi komen secara bertulis terhadap tugas murid walaupun guru yakin dan percaya bahawa penggunaan komen secara bertulis terhadap tugas murid memberi kesan yang ketara dalam meningkatkan pembelajaran murid.

Dapatan kajian Halimah Jamil dan Rozita Radhiah Said (2019) pula menunjukkan bahawa kebanyakan guru mengikut ketetapan Panduan Pelaksanaan PBD dan memberi skor pentaksiran secara individu kepada murid kerana potensi murid berbeza antara satu sama yang lain. Namun, dua daripada tujuh orang guru Bahasa Melayu di sekolah menengah Negeri Sembilan tidak mengikut ketetapan Panduan Pelaksanaan PBD dengan melaksanakan pentaksiran penskoran murid secara purata. Dua orang guru ini menyuruh ketua kumpulan untuk menerangkan hasil perbincangan selepas sesi perbincangan tamat. Kemudian, guru memberi markah yang sama kepada semua murid dalam kumpulan yang sama.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Tan Jia Yuh & Husaina Banu Kenayathulla (2020), tahap pelaksanaan PBD guru sebelum pdp yang boleh dimantapkan adalah penyediaan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang mengandungi aktiviti pentaksiran, menentukan elemen yang akan ditaksir sebelum melakukan pentaksiran dan merancang tugas untuk mentaksir murid. Manakala dalam aspek pelaksanaan PBD guru semasa pdp yang boleh dimantapkan adalah dengan memperuntukkan waktu yang mencukupi untuk murid menjalankan aktiviti pentaksiran, kekerapan menjalankan aktiviti pentaksiran melebihi sekali terhadap murid dan memerlukan guru yang memberikan penerangan tentang instrumen atau kaedah yang digunakan untuk mentaksir murid sebelum proses pentaksiran. Manakala aspek pelaksanaan yang perlu dipertingkatkan adalah pada aspek penggunaan borang senarai semak untuk merekod pencapaian murid, menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi murid dan memberitahu ibu bapa murid tentang keputusan pentaksiran murid.

6.0 PROSES PENILAIAN

Penilaian merupakan satu proses dalam melihat kepada keberkesanan pengajaran dan penguasaan pelajar dalam suatu kursus peringkat sekolah. Penilaian merupakan peranan penting dalam penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks proses penilaian dilihat dalam beberapa pecahan iaitu :

7.0 PENGEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN

Pendekatan pengembangan kognitif akan lebih memberikan kesempatan pada siswa untuk mampu mengembangkan pola-pola penalaran yang lebih kompleks didasarkan pada seperangkat nilai

7.1 Penanaman Nilai:

lebih bersifat indoktrinasi dalam pengembangan nilai. Proses valuing dengan pendekatan ini lebih merupakan internalisasi nilai-nilai tertentu yang dimiliki guru dan masyarakat kepada diri anak atau mengubah nilai-nilai anak ke arah nilai-nilai tertentu yang dikehendakinya

7.2 Perkembangan Moral:

Pendekatan kejelasan nilai-nilai memberikan kesempatan kepada anak untuk menyadari dan mengenal nilai-nilainya dan juga nilai orang lain, serta mengkomunikasikan secara terbuka nilai-nilai mereka.

7.3 Kejelasan Nilai, Belajar Bertindak:

Pendekatan belajar tindakan ialah memberi kesempatan kepada anak untuk melakukan tindakan-tindakan yang sesuai dengan nilai-nilainya melalui permainan peran, simulasi, diskusi dan sebagainya.

7.4 Menganalisis:

Pendekatan analisis menyediakan pengalaman belajar menggunakan pemikiran logis serta penyelidikan ilmiah untuk mengevaluasi isu-isu melalui diskusi, melakukan penyelidikan dan analisis kasus (Firman, 1988: 29)

8.0 PEMBELAJARAN ABAD KE 21

Pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 memberikan kesan yang positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar dalam mempelajari ilmu pengetahuan. Kurikulum Pendidikan hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan dunia Pendidikan agar dapat menguasai ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran abad ke 21 dalam mendepani cabaran perkembangan global (Ainun Rahmah et. Al. 2017).

Norazlin & Siti Rahaimah (2019) menyatakan bahawa guru masih perlu melakukan penambahbaikan terhadap amalan pengajaran abad ke 21. Disamping itu, guru mempunyai kekangan seperti masa, pengetahuan yang kurang mencukupi serta kekurangan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Selain itu, mencadangkan penambahbaikan terhadap cabaran yang dihadapi dari segi perkembangan profesionalisme, penyediaan resos, penyediaan modul pengajaran dan penyediaan alat bantu mengajar. Kebaikan pembelajaran abad ke 21 adalah dapat menarik minat dan keyakinan murid, meningkatkan kawalasan kelas dengan baik, meningkatkan penglibatan murid dalam kerja berpasukan. Pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 masih perlu dipertingkatkan walaupun telah lama diperkenalkan dan masih kekal dengan pedagogi tradisional dalam pengajaran di bilik darjah. Disamping itu, cabaran yang dihadapi oleh guru adalah menyediakan sumber dan bahan bagi pembelajaran abad ke 21 meliputi aspek kuantiti yang diperlukan. Cabaran besar adalah memerlukan guru yang kreatif dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21. Selain itu, pembelajaran abad ke 21 ini memerlukan masa yang panjang daripada aspek persediaan dalam merancang pembelajaran abad ke 21. Latihan dan pengetahuan amatlah penting dalam memastikan pembelajaran abad ke 21 dalam aspek menilai prestasi murid, kaedah pengajaran berpusatkan murid. Mencadangkan agar modul pengajaran lengkap mengikut mata pelajaran bagi membantu mereka mempraktikkan pembelajaran abad ke 21. Keperluan kepada latihan

berterusan amatlah diperlukan secara berterusan dalam memberikan pendedahan kepada maklumat dan aplikasi pembelajaran abad ke 21.

Konsep 4C^o menunjukkan aspek kreativiti (min= 3.96) dan pemikiran kritis (min= 3.91) berada pada tahap sederhana. Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa guru-guru pelatih berminat untuk melaksanakan PdP „Konsep 4C^o“ di sekolah dengan jelas melalui bimbingan secara teori dan praktikal. Sebagai rumusan, guru pelatih perlu didedahkan dengan pelaksanaan PdP PAK21 khususnya yang menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Penerimaan ciri-ciri PAK21 dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan kemahiran yang dimiliki oleh guru untuk menerapkan pedagogi abad ke21 masih perlu ditingkatkan.

Menurut Kajian yang dijalankan oleh Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018), mendapati bahawa aspek Kreativiti guru pelatih dalam pelaksanaan abad ke 21 ialah menerapkan unsur kreatif dalam aktiviti PdP, membina bahan PdP yang kreatif dan mengamalkan penyoalan yang kreatif. Manakala dari aspek pemikiran kritikal guru pelatih dalam pelaksanaan abad ke 21 yang perlu dimantapkan adalah guru perlu merancang setiap soalan yang diajukan kepada pelajar, mengajukan soalan yang menjelaskan pemikiran, mengajukan soalan yang menentukan sebab dan penjelasan dan mengajukan soalan yang meneroka pandangan pelajar. Manakala dari aspek kolaborasi guru pelatih dalam pelaksanaan abad ke 21 adalah berkaitan pelaksanaan aktiviti PdP inkuiri penemuan. Aspek komunikasi guru pelatih dalam pelaksanaan abad ke 21 yang perlu diberikan penekanan adalah menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai bahan untuk pembentangan dan menggalakkan perkongsian pengetahuan dalam pembentangan.

9.0 INTEGRASI ILMU

Menurut Novati Muspiroh (2013) menyatakan bahawa pengintegrasian ilmu dalam pembelajaran dapat merealisasikan nilai-nilai tauhid, menggalakkan pencarian ilmu secara berterusan serta memberikan penumpuan kepada aspek moral dan akhlak pelajar. Kepentingan integrasi ilmu ini ilmu pengetahuan disebatikan dengan ilmu agama Islam. Hal ini merupakan peranan yang amat penting dalam memberikan ilmu pengetahuan dan menjadikan pelajar insan yang beriman. Pendidikan tidak hanya memfokuskan kepada pencapaian dalam ujian dan peperiksaan namun memberikan kepada penguasaan dan nilai yang dihayati oleh pelajar. Pendidikan di sekolah amatlah penting dalam membina keimanan, ketaqwaan serta mempuok karakter dan keperibadi manusia selari dengan aspirasi pendidikan kebangsaan. Justeru itu, pembudayaan nilai-nilai agama dalam ilmu pengetahuan umum amatlah penting agar lahirnya murid yang mempunyai akhlak yang terpuji. Hal ini menunjukkan bahawa kurikulum pendidikan umum dan kurikulum pendidikan Islam masih dilihat dan dipelajari secara terpisah. Contohnya ilmu sains berperanan dalam menguruskan alam, berinteraksi dengan alam bagi mewujudkan kelangsungan kehidupan. Manakala, peranan agama adalah mengajarkan agama kepada pelajar berkaitan system nilai yang mempunyai hubungannya dengan Tuhan, manusia dan alam.

Integrasi nilai dalam pendidikan amatlah penting dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi, mengakui jiwa atau ruh yang terdapat daripada pendidikan yang diterima. Tujuan pendidikan bukan hanya untuk menguasai ilmu pengetahuan berdasarkan konsep, fakta dan prinsip sahaja. Namun memberikan penekanan kepada aplikasi dalam kehidupan seharian serta mengakui dan menghayati kebesaran ciptaan tuhan.

Teknik Pengungkapan nilai merupakan Teknik yang dapat disimpulkan sendiri oleh pelajar berdasarkan aktiviti pengajaran. Oleh itu, para guru membantu pelajar dalam

mempamerkan nilai-nilai yang berlatarbelakangkan tingkah laku dan perkara penting yang telah dipilih. Pelajar akan menyedari tentang tujuan hidup yang diharapkan oleh para guru.

10.0 PENUTUP

Pendidikan khususnya perlu diterapkan pendidikan berasaskan nilai samada secara langsung atau tidak langsung. Ini kerana konsep pendidikan berasaskan nilai sangat penting dalam membentuk individu yang sahsiah. Kesan pendidikan berasaskan nilai mampu memberi penghayatan dan penguasaan secara beramal bukan hanya sekadar peringatan sahaja.

Secara keseluruhannya, Pendidikan berasaskan nilai adalah satu titik tolak dalam pendidikan khususnya dalam membentuk jati diri pelajar. Dengan penerapan strategi dan kaedah yang sesuai dalam matapelajaran, ia mampu memberi input dan maklumat yang sahih kepada pelajar. Melalui strategi dan kaedah tersebut dapat dilihat bagaimana pelajar membuat penilaian berdasarkan kepada matapelajaran yang dipelajari.

Selain itu, sikap perihatin guru dan kesedaran pelajar dalam memupuk nilai murni baik secara formal ataupun spontan menyebabkan ianya akan sentiasa dapat dipupuk dari semasa ke semasa. Ia merupakan satu proses perubahan dalam satu pembentukan sahsiah diri.

11.0 RUJUKAN

- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 77-88.
- Fajar Ari Widiyatmoko, Maftukin Hudah(2017) Evaluasi Implementasi Pendidikan Nilai Dalam Pembelajaran Penjas. *Jurnal Ilmiah PENJAS*, ISSN: 2442-3874 VOL.3
- Ade Imelda Frimayanti (2017). Implementasi Pendidikan Nilai Dalam Pendidikan Agama Islam Al-Tadzkiyyah. *Jurnal Pendidikan Islam*, Volume 8 No. II 2017.
- Kalai Selvan Arumugham (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *ASIAN PEOPLE JOURNAL 2020*, VOL 3(1), 152-161 e-ISSN: 2600-8971.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke 21. *Prosiding of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Novianti Muspiroh. (2013). Integrasi Nilai Islam Dalam Pembelajaran IPA (Perspektif Pendidikan Islam). *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol 28, No 3 (2013). ISSN: 2460-8149
- Rusmawati binti Othman Mohd Fadzil bin Mohd Salleh Mohd. Isha bin Awang. (2016). Pentaksiran Dalam Kelas Melalui Pendekatan Outcome Based Education (OBE): Satu Analisis Terhadap Pengetahuan Dan Amalan Pensyarah. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 59-68 ISSN. 2548-6160 International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Tan Jia Yuh & Husaina Banu Kenayathulla. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2020, Bil. 7, Isu 3.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018) Aplikasi 'Konsep 4c' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)* ISSN : 2600-8971, Volume 1, Issue1 (2018), PP 45-65. (2018), PP 45-65.